

10/09/2003

Bermulalah era Pas dalam genggaman puak radikal

Kadir Dikoh

"TUNGGULAH saya balik Malaysia, kita bercakap mengenai politik. Saya tengah buat umrah di Tanah Suci ini." Itulah antara kata-kata terakhir bekas Presiden Pas, Allahyarham Datuk Fadzil Noor, ketika dihubungi penulis sebelum beliau meninggal dunia Jun tahun lalu.

Kepada wartawan, Allahyarham memang mudah didekati dan dihubungi pada bila-bila masa jika beliau kelapangan. Allahyarham seorang pemimpin yang sederhana, dihormati kawan dan lawan. Tuhan lebih sayang kepadanya - semoga rohnya dicucuri rahmat.

Muktamar Pas ke-49 Jumaat ini akan menyaksikan jawatan presiden yang kosong sejak lebih setahun lalu itu, diisi secara rasmi oleh Datuk Seri Abdul Hadi Awang - tokoh kontroversi Pas yang sebelum ini dianggap agak radikal.

Muktamar itu bermula malam ini dengan perasmian mesyuarat Dewan Pemuda oleh Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang juga Menteri Besar Kelantan. Esok hanya Dewan Pemuda bermesyuarat manakala muktamar sebenar Jumaat ini dirasmikan oleh Abdul Hadi - iaitu hari yang sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membentangkan Bajet 2004 di Parlimen.

Mesyuarat Dewan Muslimat dan Dewan Ulama pula berlangsung pada petang Jumaat. Sabtu pula diadakan pemilihan dan muktamar selesai pada Ahad.

Esok, 11 September, kebetulan ulang tahun kedua serangan pengebom berani mati ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York. Tidak diketahui mengapa Pas memilih 11 September untuk perhimpunan tahunannya itu dan ia juga mungkin secara kebetulan.

Tidak dinafikan, imej umat Islam sejagat terjejas teruk pada kaca mata masyarakat dunia, apatah lagi jika berjubah dan memakai ketayap - semuanya dipandang penuh kesangsian oleh orang Barat.

Abdul Hadi pernah menghadiri persidangan Kongres Islam di Makasar, Sulawesi pada Oktober 2000 yang turut disertai Ketua Jemaah Islamiah (JI), Abu Bakar Basyir. Bagaimanapun, Abdul Hadi menafikan pembabitannya dalam kumpulan radikal Islam dan menyifatkan majlis berkenaan sebagai persidangan ilmiah dan beliau dijemput menyampaikan ceramah berhubung pelaksanaan undang-undang Islam di Kelantan dan Terengganu.

Imej radikal Abdul Hadi inilah menakutkan sesetengah pihak mengenai hala tuju masa depan Pas pimpinannya ketika parti itu dikatakan berusaha menarik sokongan di kalangan generasi muda termasuk golongan profesional. Malah, keengganan beliau menarik balik Amanat Haji Hadi menyebabkan ramai yang belum percaya.

Allahyarham Fadzil dianggap sebagai pemimpin sederhana Pas sebelum ini.

Tetapi apabila bersua muka dengan Menteri Besar Terengganu itu, beliau sebenarnya seorang pemimpin yang serius, tidak membuang masa dan menjawab setiap soalan dengan penuh yakin dalam temu ramah di pejabatnya di Bangunan Darul Iman, Kuala Terengganu, April lalu.

"Saya berasa hairan bagaimana Presiden Pas Allahyarham (Fadzil) yang tidak radikal, yang sederhana, boleh membenarkan saya seorang yang radikal duduk di bawah dia. Kalau macam itu, dia pun juga radikal. Dia boleh membenarkan saya begitu. Saya berasakan bahawa itu adalah sebagai satu gimik politik. Menjadi kebiasaanlah, parti lawan ni, dia akan menunjukkan satu perkara yang boleh menghakiskan sokongan rakyat. Tetapi rakyat yang berada di sekitar kita lebih tahu dan dia faham," katanya.

Ketika ditemui sekali lagi selepas mesyuarat jawatankuasa Pas pusat di Markas Tarbiyah Pas Pusat di Taman Melewar, Gombak, kelmarin, Abdul Hadi seperti biasa menjawab setiap soalan dengan tenang tetapi tetap serius.

Meskipun muktamar itu bermula pada malam ini, suasana di ibu pejabat parti itu kelmarin adalah seperti biasa, tiada kemeriahan dan kesibukan

luar biasa kecuali beberapa pekerja kelihatan membina khemah di luar bangunan.

Poster tertulis "Selamat Datang ke Muktamar Pas ke-49 pada 10-14 September" dengan terpapar gambar Abdul Hadi dan Nik Abdul Aziz sudah digantung pada pintu masuk dewan manakala bendera Pas kelihatan di sepanjang jalan kira-kira 500 meter dari ibu pejabat parti itu.

Ada dua perkara yang menjadi tumpuan pada muktamar tahunan selama empat hari itu - persiapan Pas menghadapi pilihan raya umum akan datang dan pemilihan jawatan dalam parti dengan tumpuan kepada jawatan timbalan presiden.

Ada 13 nama dicalonkan oleh 161 bahagian parti di seluruh negara untuk mengisi jawatan nombor dua dalam parti pembangkang itu.

Antara favourite ialah Naib Presidennya, Datuk Mustafa Ali yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia negeri merangkap Ahli Parlimen Dungun.

Yang lain ialah Pesuruhjaya Pas Selangor, Senator Hassan Shukri; ahli majlis syura ulama Datuk Dr Harun Din dan bendahari, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman. Naib Presiden, Datuk Dr Hassan Ali sudah menarik diri.

Antara nama lain disebut-sebut sebelum ini ialah Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman; Setiausaha Agung, Nasharuddin Mat Isa dan Ketua Penerangan, Azizan Abdul Razak.

Ketika diajukan soalan mengenai perebutan jawatan itu kelmarin, Abdul Hadi melahirkan harapan supaya tiada pertandingan "tetapi kami bersikap fleksibel dan mahu mewujudkan musyawarah".

"Kita berjaya dalam hal menghapuskan lobi-melobi. Calon ini akan berbincang sesama sendiri," katanya sambil menceritakan bahawa kali terakhir berlaku perebutan jawatan nombor dua dalam Pas ialah ketika persaingan antara Yusuf Rawa dan Datuk Abu Bakar Omar ketika Pas dipimpin Datuk Asri Muda pada akhir 70-an.

Apabila Yusof Rawa menjadi Presiden pada 1983, Allahyarham Fadzil menjadi pilihan untuk jawatan timbalan presiden. Tatkala Fadzil mengambil alih kepemimpinan parti, Abdul Hadi menjadi pilihan untuk jawatan nombor dua.

Jika amalan syura (rundingan) berjaya, tidak mustahil jawatan timbalan presiden Pas akhirnya dimenangi tanpa bertanding. Mustafa sendiri sebelum ini menyatakan kesediaannya untuk mengadakan rundingan bagi mengelak jawatan itu ditandingi.

Persoalannya, siapakah yang paling layak untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditinggalkan oleh Abdul Hadi? Sejarah Pas menunjukkan jawatan tertinggi parti secara tradisinya disandang oleh ulama.

"Dalam hal ini, semuanya bergantung kepada calon itu sendiri dan mereka berunding sesama sendiri siapa layak. Dalam Pas, tidak wujud keghairahan untuk merebut jawatan. Malah kempen pun tidak ketara," kata Ahli Parlimen Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar.

Jika ulama menjadi pilihan, siapakah yang berwibawa mengisi kekosongan jawatan nombor dua itu, tetapi yang paling hampir di kalangan nama yang dicalonkan ialah Dr Harun Din, seorang bomoh. Hassan Shukri juga mempunyai latar belakang pendidikan Islam.

Mustafa dianggap sebagai tokoh berkarisma dan memang sentiasa berada di sisi Abdul Hadi, terutama pada sidang akhbar, dan banyak kali dikatakan akan memberi jawapan termasuk yang berbentuk teknikal bagi pihak bosnya itu.

Penduduk Marang sendiri, terutama di kalangan generasi tua, tahu Abdul Hadi dan Mustafa adalah rakan sekampung sejak kecil dan hubungan mereka memang akrab. Mustaffa dikatakan mendapat kira-kira 60 peratus pencalonan daripada 161 bahagian.

Untuk tiga kerusi naib presiden, sekurang-kurangnya 20 nama dikemukakan manakala perebutan untuk 24 jawatankuasa pusat lebih terbuka untuk semua dengan seramai 82 nama dikemukakan.

Antara dicalonkan bagi jawatan naib presiden ialah Ketua Penerangan Pas, Azizan Abdul Razak, Mahfuz Omar dan Abdul Halim. Mahfuz melepaskan jawatan

Ketua Pemuda Pas dan sudah menerima pencalonan untuk jawatan naib presiden.

Tempat Mahfuz sudah dimenangi tanpa bertanding oleh timbalannya, Salahuddin Ayub. Ketua Dewan Ulama, Datuk Harun Taib, juga sudah menang tanpa bertanding manakala isterinya, To' Puan Fatimah Zainab Ibrahim dijangka dicabar untuk jawatan Ketua Dewan Muslimat oleh ahli jawatankuasa pusat, Dr Lo' Lo' Mohd Ghazali dan Ketua Muslimat Kelantan, Siti Zailah Mohd Yusof.

Abdul Hadi berkata, muktamar kali ini akan turut memberi tumpuan kepada perbincangan persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang yang boleh diadakan pada bila-bila masa.

"Kita juga akan bincang prestasi dua negeri pemerintahan Pas, iaitu Kelantan dan Terengganu selain isu politik, ekonomi, pendidikan serta isu keganasan antarabangsa yang menjejaskan imej orang Islam," katanya.